

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIGED. JEN. DATO` PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN, NAIB CANSELOR UNIMAP,
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN EKSPLO REKACIPTA & PAMERAN
PENYELIDIKAN UniMAP 2009
7 JANUARI 2010
DI DEWAN WARISAN

Bismillah Hirrahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.**

Yang Berusaha, Encik Mansor Bin Lat, Pengarah Pelajaran
Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Yang Berbahagia Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan, peserta –peserta pameran,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2009.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran perjalanan majlis ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Untuk pengetahuan anda, ekspo ini merupakan acara tahunan UniMAP dan ia turut melibatkan penyertaan dari pihak sekolah.

Perkara ini merupakan sesuatu yang amat baik kerana bakat pelajar dalam penciptaan dapat dicungkil di peringkat awal sekaligus menggilap kreativiti pelajar serta memberikan pelajar ruang untuk mengeluarkan idea-idea baru untuk manfaat bersama.

Saya berharap penganjuran ekspo ini tidak hanya bertujuan untuk mempamerkan produk atau barangan semata-mata, tetapi menjadi salah satu platform untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan bidang penciptaan dan sains kepada golongan muda.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Perdana Menteri kita, Y.A.B Dato` Seri Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa tahun 2010 merupakan tahun Inovasi dan Kreativiti Malaysia.

Ini adalah kerana, bidang penciptaan dan sains memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kita telah melihat negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat membangun kerana bidang penciptaanya.

Ini kerana banyak produk yang dikeluarkan negara-negara ini dapat dieksport ke luar negara, sekaligus dapat menjana ekonomi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Malaysia sebenarnya mempunyai rakyat yang kreatif, tetapi ramai yang tidak berani mengambil risiko untuk membangunkan idea-idea mereka dan berkongsi dengan masyarakat tentang idea tersebut.

Manusia mempunyai kira-kira 10 billion sel otak yang berkemampuan untuk berfikir, menganalisa dan membuat keputusan. Oleh itu, kita seharusnya menggunakan kelebihan ini untuk membudayakan sikap suka berfikir supaya dapat melakukan perubahan melalui bidang penciptaan.

Akhir sekali, besarlah harapan saya, agar melalui Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan akan terus mendapat sambutan bukan saja dari pihak sekolah dan universiti semata-mata, tetapi juga dari pihak usahawan dan industri.

Dengan ucapan Bismillah Hirrahman Nirrahim saya merasmikan **"Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan Unimap 2009"**

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.